

**PROSEDUR-PROSEDUR PERKAHWINAN DI LUAR NEGARA DAN  
IMPLIKASINYA**

**NURUL ASYILA SYAMIMI BINTI SAHARUDDIN**

**PID 15194**

**DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM PENGKHUSUSAN SYARIAH DAN  
UNDANG-UNDANG**

**KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN ADALAH UNTUK  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK  
DIANUGERAHKAN DIPLOMA**

**JABATAN SYARIAH**

**FAKULTI PENGAJIAN ISLAM**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG**

**SULTAN AHMAD SHAH**

**SEMESTER 2 SESI 2017/2018**

**PROSEDUR-PROSEDUR PERKAHWINAN DI LUAR NEGARA DAN  
IMPLIKASINYA**

**NURUL ASYILA SYAMIMI BINTI SAHARUDDIN**

**PID 15194**

**FAKULTI PENGAJIAN ISLAM**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH**

**2018**

## **PENGAKUAN**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh :

Tandatangan :

Nama Calon : Nurul Asyila Syamimi binti Saharuddin

No Matrik : PID 15194

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji dan syukur kehadrat Ilahi serta selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarganya dan para sahabat serta tabi' tabi'in. Alhamdulillah, dengan taufiq dan kekuatan yang diberikan kepada penulis sehingga kertas projek ini dapat disiapkan. Kertas projek ini tidak mungkin dapat dihasilkan tanpa bantuan dan sokongan daripada beberapa pihak yang telah memberikan sumbangan secara langsung ataupun tidak.

Penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada penyelia Kertas Projek ini Ustazah Nurul Syuhadah binti Azalan yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada penulis dalam menyiapkan tesis ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada pensyarah lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu penulis menambah maklumat-maklumat berkaitan dengan kajian yang dibuat. Seterusnya, penulis juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu penulis menyiapkan tesis ini dan tidak mengeluh apabila diminta memberi cadangan atau pendapat, sedangkan mereka juga sibuk dalam menyiapkan tesis masing-masing.

Akhir sekali, jutaan terima kasih buat insan yang paling istimewa dalam hidup penulis iaitu Saharuddin bin Salleh dan Norisah binti Sidek serta keluarga tercinta yang telah banyak memberikan kata-kata semangat kepada penulis untuk menyiapkan tesis ini. Tanpa sokongan dan dorongan daripada kamu semua, nescaya tesis ini tidak dapat disiapkan dengan sempurnanya.

## **ABSTRAK**

Kertas Projek ini merupakan satu kajian mengenai prosedur-prosedur perkahwinan di luar negara dan implikasinya. Kajian ini dilakukan kerana ramai rakyat Malaysia yang melangsungkan perkahwinan di luar negara dengan tidak mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh hukum syarak dan undang-undang Malaysia. Antara persoalan yang timbul adalah konsep nikah dalam Islam yang telah digariskan oleh fuqaha, kesan-kesan yang timbul daripada perkahwinan di luar negara dan prosedur yang perlu dilakukan setelah kembali ke Malaysia. Selain itu, kajian ini dilakukan untuk mengetahui konsep nikah dalam Islam yang telah digariskan oleh fuqaha di samping mengkaji kesan-kesan yang timbul daripada perkahwinan di luar negara serta untuk mengenalpasti proses yang perlu dilakukan setelah kembali ke Malaysia. Reka bentuk kajian yang penulis gunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif. Manakala kaedah pengumpulan data ialah kajian kepustakaan dan kaedah penganalisisan data iaitu deskriptif, deduktif dan induktif. Dilihat kepada prosedur-prosedur perkahwinan di Malaysia, adalah mudah bagi sesebuah pasangan untuk mendapatkan pernikahan yang sah dari segi hukum syarak dan undang-undang Malaysia. Hasil daripada kajian ini, masyarakat akan lebih memahami prosedur-prosedur yang perlu dilakukan sebelum melangsungkan perkahwinan di luar negara.

## SENARAI KANDUNGAN

- <b>PENGAKUAN</b>	<b>i</b>
- <b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
- <b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
- <b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>iv</b>
- <b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>vi</b>

## **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Kepentingan Kajian	4
1.6 Definisi Operasi Kajian	5
1.7 Metodologi Kajian	
1.7.1 Reka Bentuk	5
1.7.2 Kaedah Pengumpulan Data	5
1.7.3 Kaedah Penganalisisan Data	6
1.8 Ulasan Kepustakaan	
1.8.1 Definisi Perkahwinan	7
1.8.2 Prosedur Sebelum Berkahwin Di Luar Negara	7
1.8.3 Implikasi Perkahwinan Di Luar Negara	8
1.9 Kesimpulan	9

## **BAB 2 PERKAHWINAN MENURUT ISLAM**

2.1 Definisi Perkahwinan	10
2.2 Pembahagian Nikah	11
2.3 Rukun-rukun Nikah	11

2.4 Syarat-syarat Nikah	11
2.5 Hikmah dan Galakan Berkahwin	19
2.6 Hukum Perkahwinan	21
2.7 Kesimpulan	22
 <b>BAB 3 PROSEDUR PERKAHWINAN DI LUAR NEGARA</b>	
3.1 Prosedur-prosedur Perkahwinan Di Luar Negara	24
3.2 Sebab Berlakunya Perkahwinan Di Luar Negara	27
3.3 Prosedur Yang Perlu Dilakukan Setelah Kembali Ke Malaysia	30
3.4 Implikasi Perkahwinan Di Luar Negara	34
3.5 Kesimpulan	35
 <b>BAB 4 RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
4.1 Rumusan	36
4.2 Cadangan	39
4.3 Kesimpulan	39
 <b>RUJUKAN</b>	41

## **SENARAI SINGKATAN**

a.s	alaihi sallam
hlmn	halaman
SAW	salla Allahu alaihi wa sallam
SWT	subhanahu wa taala
YAA	yang amat arif.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Setiap manusia yang diciptakan oleh Allah SWT, memiliki hati yang melahirkan sesuatu perasaan dan fikiran serta nafsu yang melahirkan tindakan. Lalu Allah SWT membagiakan manusia dengan hukum yang telah ditetapkan kepada mereka, termasuklah hukum perkahwinan yang dicipta sejak zaman kelahiran Nabi Adam a.s.<sup>1</sup> Perkahwinan yang dicipta itu telah dilengkapi dengan aspek-aspek yang perlu dipatuhi oleh manusia bagi membolehkan mereka menggapai matlamat perkahwinan yang diinginkan.

Memiliki keluarga yang harmoni dan bahagia merupakan impian setiap manusia yang berkeluarga dan bakal berkeluarga. Telah terbukti bahawa sesuatu perkahwinan yang dibina bersandarkan agama Allah SWT dan tidak mengabaikan syariat Islam, mudah untuk memiliki keluarga yang harmoni. Islam juga telah menetapkan tanggungjawab dan hak-hak suami dan isteri serta telah mensyariatkan hak anak dan hak ibu bapa. Jika hak-hak dan tanggungjawab itu dilaksanakan, maka impian untuk memiliki keluarga yang sempurna bakal dikecapi.

Kini, dunia semakin hangat dengan runtuhnya nilai moral dalam diri manusia yang dipengaruhi oleh budaya asing. Namun harus diberi perhatian oleh ibu bapa yang terlalu membiarkan anak-anak remaja mereka meneroka alam semesta ini dengan sendirinya, kerana pada waktu inilah, saat yang paling penting dalam hidup mereka sama ada hidupnya berabdi kepada Allah atau sebaliknya.

---

<sup>1</sup>Ustaz Ismail Hj. Ali, 1997. Soal-jawab Kursus Perkahwinan, Kuala Lumpur: Crescent News (K.L) Sdn Bhd.

Dilihat kepada warganegara Malaysia, yang bernikah di luar negara seperti di Thailand, Indonesia dan mana-mana negara yang menjadi pilihan mereka. Isu perkahwinan di luar negara ini telah menjadi isu yang saban hari semakin hangat diperkatakan. Masalah-masalah yang timbul akibat daripada perkahwinan di luar negara ini juga semakin diambil perhatian oleh masyarakat Malaysia, seperti perkahwinan yang tidak sah, perkahwinan yang *fasid*, perkahwinan yang tidak didaftarkan dan sebagainya.

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Seperti mana yang diketahui, ramai rakyat Malaysia kini yang berkahwin di luar negara dan terdapat juga rakyat di luar negara yang berkahwin di Malaysia. Tetapi penulis menekankan tentang perkahwinan rakyat Malaysia yang berkahwin di luar negara. Perkahwinan di luar negara ini adalah tidak dilarang sama sekali, tetapi pasangan yang ingin berkahwin itu perlulah mengikuti prosedur-prosedur yang sepatutnya dilakukan bagi mengelak daripada berlakunya perkara yang tidak diingini.

Telah jelas terbukti bahawa perkahwinan di luar negara ini akan mengundang banyak masalah apabila sekembalinya mereka ke Malaysia. Antaranya ialah perkahwinan yang tidak sah. Impak pada pasangan terutamanya isteri, tidak boleh menuntut harta pusaka, harta sepencarian, nafkah anak, sukar untuk menentukan status anak yang lahir dan sebagainya. Jawapan yang diberi apabila disoal adalah mereka tidak mengetahui prosedur-prosedur yang perlu dilakukan apabila kembalinya mereka ke Malaysia dan mereka juga tidak mengetahui prosedur-prosedur yang betul dan menepati kehendak syarak sebelum mereka melangsungkan perkahwinan di luar negara.

Merujuk kepada kes *Joy Revfa v Hafiz Hamidun*, di mana dalam kes ini telah membuka mata masyarakat tentang pentingnya mendaftar perkahwinan dan penceraian. Memang benar, tiada ayat al-Quran atau hadis yang jelas menjelaskan bahawa wajib atau sunat mendaftar sesbuah perkahwinan, namun demi menjaga maslahah terutama bagi kebajikan wanita dan anak-anak, maka pendaftaran diwajibkan di bawah Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia.

Telah timbul kekalutan di awal-awal kes ini apabila perkahwinan terdahulu Siti Arifah adalah tanpa keizinan Mahkamah Syariah iaitu di Songkhla bersama bekas suami terdahulu, iaitu Datuk Roy atau Mohd Rayos dan telah dikurniakan seorang anak lelaki. Sepatutnya apabila mereka kembali ke Malaysia, mereka perlulah mendaftar perkahwinan tersebut, tetapi masalahnya mereka tidak melakukan pendaftaran itu. Apabila timbul masalah rumah tangga, sememangnya akan menimbul masalah di mana mahkamah tiada kuasa untuk mendengar kes itu.

Hafiz Hamidun berkata bahawa, Joy Revfa juga menyusahkan dirinya selepas pernikahan kerana gagal mengemukakan sijil cerai bersama bekas suaminya. Ini juga menyebabkan perkahwinan mereka tidak boleh didaftarkan kerana surat penceraian Joy Revfa tidak dapat dikemukakan. Kesimpulannya, pastikan syarat-syarat nikah mengikut hukum syarak dipenuhi dan juga mengikut undang-undang yang sedia termaktub.

Mereka yang berkahwin di luar negara, iaitu di luar Malaysia memiliki alasan yang berbeza, ada yang berkahwin disebabkan menetap di sana atau bekerja, ada yang berkahwin di luar negara disebabkan perkahwinan sindiket yang berkemungkinan tidak mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan, ada juga yang berkahwin disebabkan pasangannya tinggal di luar negara dan menganuti agama yang sama tetapi berlainan bangsa. Walau bagaimanapun, mereka yang berkahwin di luar negara mestilah mengikuti prosedur-prosedur yang telah ditentukan serta melakukan perkara yang harus dilakukan setelah kembali ke Malaysia.

### **1.3    OBJEKTIF KAJIAN**

Antara objektif kajian ini ialah:

1. Untuk mengetahui konsep nikah dalam Islam yang telah digariskan oleh fuqaha.
2. Untuk mengkaji kesan-kesan yang timbul daripada perkahwinan di luar negara.
3. Untuk mengenalpasti proses yang perlu dilakukan setelah kembali ke Malaysia.

## **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Antara persoalan kajian ini ialah:

1. Apakah konsep nikah dalam Islam yang telah digariskan oleh fuqaha?
2. Apakah kesan-kesan yang timbul daripada perkahwinan di luar negara?
3. Apakah prosedur yang perlu dilakukan setelah kembali ke Malaysia?

## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Terdapat beberapa kepentingan dalam kajian ini, antaranya ialah, penulis cuba untuk menyedarkan pembaca supaya melahirkan satu sifat kesedaran yang tinggi dalam diri. Ini akan membantu diri supaya mampu untuk bertahan dari melakukan perkara-perkara yang salah. Contohnya, berlakunya zina yang berleluasa akibat daripada sikap tidak endah daripada setiap orang yang ingin berkahwin namun tidak mampu untuk menyempurnakan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan.

Kajian ini juga dapat memberikan pengetahuan kepada mana-mana pasangan yang ingin berkahwin supaya mengikuti prosedur yang telah ditentukan sebelum melangsungkan perkahwinan di luar negara. Di mana semua prosedur tersebut perlulah diikuti setiap satunya supaya perkahwinan yang dilangsungkan di luar negara itu sempurna dari semua segi dan tidak mengakibatkan apa-apa kesan selepas perkahwinan itu.

Seterusnya, dalam kajian ini juga akan menerangkan kesan-kesan yang bakal timbul akibat daripada perkahwinan yang tidak mengikut prosedur, iaitu perkahwinan yang tidak sah, perkahwinan yang menggunakan wali hakim yang tidak diiktiraf dan perkahwinan yang tidak didaftarkan setelah enam bulan kembali ke Malaysia. Jika perkahwinan tersebut tidak sah, maka pasangan suami isteri tersebut tidak berhak mewarisi harta masing-masing dan begitu juga terhadap anak hasil daripada perkahwinan yang tidak sah, mereka juga tidak berhak untuk mewarisi harta daripada pihak bapanya.

## **1.6 DEFINISI OPERASI KAJIAN**

Maksud prosedur dalam tajuk ini ialah cara yang lazim untuk membuat sesuatu urusan, aturan atau cara bekerja atau melakukan sesuatu, tatacara, dia akan memastikan yang dia melakukan atau melaksanakan tugasnya dengan betul menurut prosedur dan peraturan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat. Menurut penulis pula, prosedur bermaksud cara-cara, kaedah-kaedah dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh seseorang yang ingin melakukan sesuatu.

Maksud perkahwinan pula ialah, perihal berkahwin atau bernikah; pernikahan menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua. Menurut penulis, perkahwinan bermaksud satu proses bagi menghalalkan hubungan antara lelaki dan perempuan yang disatukan melalui akad nikah dengan cara yang dibenarkan oleh syarak.

Maksud implikasi dalam Kamus Dewan Edisi Keempat ialah kesan yang terbit atau dapat ditakrif daripada sesuatu. Menurut penulis pula, implikasi bermaksud kesan-kesan daripada sesuatu tindakan, percakapan dan perbuatan.

## **1.7 METODOLOGI KAJIAN**

### **1.7.1 Reka Bentuk**

Dalam kajian ini, penulis menggunakan kaedah kualitatif dalam pengumpulan data. Kajian ini hanya dibuat terhadap data-data rujukan sekunder yang ada di perpustakaan. Data-data sekunder diambil melalui kaedah analisis dokumen, iaitu terhadap buku-buku, kitab, majalah, akhbar, jurnal, tesis, laman sesawang dan dokumen-dokumen seumpamanya. Penulis juga ada menggunakan data-data primer iaitu al-Quran dan hadis untuk membantu menghasilkan tesis yang lebih baik.

### **1.7.2 Kaedah Pengumpulan Data**

- i. Kaedah Perpustakaan
  1. Di ambang pintu perkahwinan.
  2. Soal jawab kursus perkahwinan.
  3. 400 Soal jawab nikah kahwin.

4. Nikah sindiket di Malaysia.
5. Konsep perkahwinan tanpa kebenaran di Malaysia.
6. Kitab fikah mazhab Syafie.

ii. Media Cetak

1. Surat Khabar

- Berita Harian

iii. Tesis

1. Mohd Zahiruddin Fahmi bin Ahmad Zakhi. 2015. Perkahwinan tidak mengikut prosedur: Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
2. Ruzain Syukur. 2017. Prosedur pernikahan orang Islam warganegara Malaysia di luar negara.

iv. Jurnal

1. Jurnal Yadim

v. Dokumen

1. Garis Panduan Permohonan & Pendaftaran Perkahwinan, Penceraian dan Ruju' di Luar Negara.

vi. Laman Sesawang

1. [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal\\_Origin.al.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/d441586f0bd6767348256cef00297264?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Origin.al.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/d441586f0bd6767348256cef00297264?OpenDocument)

### 1.7.3 Kaedah Penganalisisan Data

i. Deskriptif

Deskriptif bermaksud suatu penelitian untuk mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai satu gelaja yang ada, iaitu keadaan gejala menurut apa adanya pada saat penelitian dilakukan.

ii. Deduktif

Deduktif bererti sebagai satu kaedah yang menghuraikan sesuatu maklumat yang umum kepada bentuk yang lebih jelas dan terperinci. Deduktif berlawanan dengan kaedah induktif kerana data-data umum yang dikumpulkan telah diperjelaskan dalam bentuk yang lebih khusus. Kaedah yang berkenaan digunakan semasa meneliti prosedur perkahwinan di luar negara dan implikasinya.

iii. Induktif

Induktif diertikan sebagai satu kaedah yang membuat pernyataan-pernyataan yang berbentuk umum yang berasaskan pernyataan-pernyataan yang khusus. Kaedah ini digunakan dalam kajian ini untuk membuat kesimpulan terhadap prosedur perkahwinan di luar negara dan implikasinya.

## **1.8 ULASAN KEPUSTAKAAN**

### **1.8.1 Definisi Perkahwinan**

Anuar dan Sazliza (2008) dalam kajiannya telah menyatakan bahawa pernikahan menurut istilah syarak ialah ijab qabul (akad) yang menghalalkan perhubungan antara lelaki dan perempuan yang diucapkan dengan kata-kata yang menggambarkan nikah dan menurut peraturan yang ditentukan oleh Islam.

Menurut Said (2001) dalam penulisannya telah menyatakan bahawa nikah membawa dua erti. Yang pertama dari sudut bahasa bermaksud berkumpul dan berhimpun. Manakala, pengertian kedua dari sudut syarak iaitu akad yang mengandungi rukun dan syarat yang menghalalkan perhubungan jenis.

### **1.8.2 Prosedur Sebelum Berkahwin Di Luar Negara**

Menurut Ruzain Syukur (2017), terdapat banyak prosedur perkahwinan yang perlu dilakukan sebelum pernikahan dilangsungkan di luar negara, iaitu di United Kingdom. Antaranya ialah rakyat Malaysia yang ingin berkahwin di luar negara itu perlulah mendapatkan kebenaran berkahwin di luar negara di Jabatan Agama Islam

Negeri di Malaysia terlebih dahulu, ianya mengikut negeri yang tertera seperti dalam alamat yang tedapat di dalam kad pengenalan.

Seterusnya, bagi tujuan berkahwin di luar negara, rakyat Malaysia tersebut perlulah mendapatkan surat kebenaran secara bertulis daripada wali. Setelah itu, pemohon boleh merujuk kepada Suruhanjaya Tinggi Malaysia United Kingdom, Encik Ruzain Syukur bin Mansor yang merupakan seseorang yang mengendalikan Pendaftaran Perkahwinan, Penceraian dan Ruju' orang Islam Luar Negara (PNCR) merangkap Atase Pendidikan Bimbingan Agama dan Kaunseling di Education Malaysia United Kingdom dan Ireland.

Walaupun begitu, akad nikah yang boleh dilaksanakan sendiri oleh Pendaftaran Perkahwinan, Penceraian dan Ruju' orang Islam Luar Negara di Education Malaysia United Kingdom di Dewan Malaysia London dan Bangunan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London bagi rakyat negeri yang setakat ini telah PNCR menerima tauliah iaitu negeri Perak, Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Kelantan dan Perlis.

### **1.8.3 Implikasi Perkahwinan Di Luar Negara**

Disebabkan beberapa faktor yang mendorong berlakunya perkahwinan di luar negara, maka tercetuslah beberapa implikasi daripada tindakan tersebut. Dilihat implikasi terhadap individu, yang mana menurut Intan Nadia, Hasnizam, Haliza dan Nabilah (2013) dalam penulisannya, salah satu kesannya adalah terhadap perwarisan harta pusaka. Dimana setiap perkahwinan yang sah mampu membolehkan mereka mewarisi harta pusaka pasangan masing-masing.

Namun, jika perkahwinan tersebut tidak sah, iaitu perkahwinan yang dibina tanpa cukupnya syarat dan rukun nikah seperti tiada saksi, nikah mutaah dan sebagainya mereka tidak berhak untuk mewarisi harta pusaka di antara satu samalain. Ini kerana mereka tidak memenuhi syarat mewarisi pusaka yang boleh diwarisi antara suami dan isteri.

## **1.9 KESIMPULAN**

Daripada hasil kajian bab satu, penulis dapat mengetahui masalah yang menyebabkan berlakunya perkahwinan luar negara. Perkahwinan di luar negara tidak dilarang tetapi prosedur-prosedur di luar negara tidak sama dengan prosedur di Malaysia yang mengikut Hukum Syarak. Masalah yang akan berlaku jikalau melangsungkan perkahwinan di luar negara apabila sekembali ke Malaysia antaranya perkahwinan yang tidak sah akan memberikan impak kepada isteri kerana tidak boleh menantu harta pusaka, harta sepencarian, nafkah anak dan status anak.

Punca ini berlaku kerana tidak mengetahui tentang prosedur yang ditetapkan di Malaysia. Penulis menggunakan kajian perpustakaan dan kajian lapangan atau empirikal. Negara juga telah menyediakan prosedur sebelum berkahwin di luar negara dengan mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia terebih dahulu dengan mengikut negeri yang tertera pada kad pengenalan.

Kebenaran berkahwin luar negara juga memerlukan surat kebenaran bertulis daripada wali dan kemudian pemohon boleh merujuk kepada Suruhanjaya Tinggi Malaysia United Kingdom. Implikasi perkahwinan di luar negara disebabkan beberapa faktor yang mendorong berlakunya perkahwinan di luar negara. Jika perkahwinan tersebut tidak sah, mereka tidak berhak untuk mewarisi harta pusaka di antara satu sama lain. Ini berlaku disebabkan mereka tidak memenuhi syarat mewarisi harta pusaka yang boleh diwarisi antara suami dan isteri.

## **BAB 2**

### **PERKAHWINAN MENURUT ISLAM**

#### **2.1 PERKAHWINAN DALAM ISLAM**

##### **2.1.1 Definisi Perkahwinan**

Perkahwinan dari segi bahasa ialah bersatu dan berkumpul. Manakala dari segi syarak pula, bermaksud satu akad yang menghalalkan hubungan *istimta'* iaitu bersetubuh atau berseronok-seronok di antara suami dan isteri dengan cara yang dibenarkan oleh syarak. Orang arab menggunakan perkataan nikah dengan makna akad dan persetubuhan serta berseronok-seronok.

Namun, makna hakiki bagi kalimah nikah adalah akad dan secara simboliknya bermakna *majaz* iaitu persetubuhan. Dalam al-Quran, perkataan nikah digunakan sebagai makna akad dan bukannya persetubuhan.<sup>2</sup> Terdapat juga pendapat lain bagi definisi perkahwinan, di mana ianya bermaksud cantuman atau ikatan di antara dua benda di mana sebelum ini kedua-duanya berasingan.

Perkahwinan menurut sesetengah ulama' ditakrifkan sebagai akad yang mempunyai mana pemilikan untuk *tamattu'* iaitu bersedap-sedapan dengan adanya qasad. Namun, sesetengah pengikut Hambali mengertikan kahwin itu sebagai akad yang menggunakan perkataan bagi mendapat faedah bersedap-sedapan.<sup>3</sup>

---

<sup>2</sup>Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji. 2016. *Kitab fikah mazhab Syafie*.Jilid 4. Selangor: Pustaka Salam Sdn. Bhd. hlmn: 617.

<sup>3</sup>Anuar Puteh dan Sazliza Mat Isa. 2008. *Jurnal Yadim*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). hlmn: 192-193.

## **2.2 PEMBAHAGIAN NIKAH**

Terlebih dahulu, nikah terbahagi kepada dua iaitu nikah yang batil dan nikah yang sah. Nikah yang batil adalah nikah yang tidak cukup rukun atau syarat sah nikah. Hukum bagi nikah ini adalah haram kerana tidak ada apa-apa pun kesan yang terjadi daripada perkahwinan itu. Namun, sesetengah bentuk nikah yang batil, perempuan wajib dibayar mahar *misil*. Contohnya adalah, perkahwinan tanpa wali dan perempuan itu telah disetubuhi.

Seterusnya adalah nikah yang sah, yang bermaksud nikah yang cukup rukun dan syarat sah perkahwinan yang akan melahirkan kesan-kesan dan tanggungjawab daripada perkahwinan tersebut.

## **2.3 RUKUN-RUKUN NIKAH**

Telah kita ketahui bahawa sesebuah perkahwinan itu perlulah memenuhi rukun-rukun yang telah ditetapkan. Antara rukun-rukunnya ialah:

- i. *Sighah*
- ii. Isteri
- iii. Suami
- iv. Wali
- v. Dua orang saksi

## **2.4 SYARAT-SYARAT NIKAH**

Syarat-syarat nikah merupakan syarat kepada rukun-rukun diatas. Di mana syarat-syarat tersebut telah ditetapkan bagi mendapatkan rukun yang sempurna. Dilihat kepada *sighah*, *sighah* bermaksud lafaz ijab dan qabul. Lafaz ijab adalah daripada wali, seperti contoh “aku nikahkan engkau” atau “aku nikahkan engkau dengan anak perempuan aku.”

Pengantin lelaki pula akan menjawab dengan lafaz qabul, seperti “aku terima nikahnya” atau “aku terima nikah anak perempuan engkau.” Namun, sah jika

pengantin lelaki mendahului lafaz wali kerana lafaz itu jika didahulukan atau dikemudiankan, ianya memberi maksud yang sama.<sup>4</sup> Antara syarat *sighah* ialah:

- i. *Sighah* itu hendaklah menggunakan lafaz nikah atau kahwin

Penggunaan lafaz nikah atau kahwin telah disyaratkan oleh syarak sebagai lafaz yang paling tepat dalam penggunaan bahasa dan syarak untuk menunjukkan kepada akad nikah. Kedua-dua lafaz tersebut digunakan oleh al-Quran dan hadis. Firman Allah Taala dalam al-Quran:

فَإِنْ كَحُوا مَا طَابَ لِكُمْ مِّنَ الْبَسَاءِ مَئْتَى وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ

Maksudnya: “*Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan hati daripada perempuan-perempuan (yang tidak yatim), dua, tiga atau empat orang.*”

(An-Nisa’: 3)

فَلَمَّا قَضَى رَيْدٌ مِّنْهَا وَطَرَّ زَوْجَنَاتَهَا لِكَنِّي لَا يَكُونُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ حَرْجٌ فِي أَزْوَاجٍ أَدْعِيَاتِهِمْ

Maksudnya: “*Kemudian setelah Zaid selesai kemahuannya terhadap isterinya (dengan menceraikannya), Kami kahwinkan engkau (wahai Muhammad) dengannya supaya tidak ada keberatan atas orang-orang beriman untuk berkahwin dengan isteri-isteri anak angkat mereka.*”

(Al-Ahzab: 37)

- ii. Lafaz ijab dan qabul hendaklah disebut secara jelas dan terang

Seseorang wali berkata, “aku nikahkan engkau dengan anak perempuanku” dan pengantin lelaki menjawab, “aku terima,” maka akad masih belum berlaku, begitu juga apabila pengantin lelaki berkata kepada wali, “kahwinkanlah aku dengan anak perempuanmu,” kemudian wali menjawab, “aku terima,” maka akad tersebut juga belum berlaku. Ini disebabkan penggunaan lafaz nikah secara

<sup>4</sup>Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji. 2016. *Kitab fikah mazhab Syafie*.Jilid 4. Selangor: Pustaka Salam Sdn. Bhd. hlmn: 728.

jelas dan terang tidak digunakan oleh kedua-dua belah pihak, iaitu wali dan pengantin lelaki.

Seterusnya, akad nikah yang menggunakan bahasa asing iaitu bukan bahasa arab adalah sah hukumnya, walaupun wali dan pengantin lelaki mengetahui bahasa arab. Ini kerana, perkara yang penting adalah bahasa asing tersebut membawa makna yang sama. Akad nikah dengan cara *kinayah* iaitu kiasan adalah tidak sah. Ini disebabkan lafaz *kinayah* membawa makna kahwin atau tidak seperti, “aku halalkan anak perempuanku kepada kamu” atau “aku serahkan anak perempuanku kepadamu.”

Selain itu, akad orang bisu yang menggunakan bahasa isyarat yang mudah difahami oleh orang ramai iaitu bukan hanya difahami oleh golongan mahir dan terpelajar saja adalah sah, ini kerana ianya sama dengan lafaz *sorih* (jelas). Namun jika isyarat tersebut hanya mampu difahami oleh golongan mahir atau terpelajar saja dan tidak jelas, akad nikah tersebut adalah tidak sah. Ini kerana kedudukannya sama seperti kedudukan lafaz *kinayah*.

### iii. Ijab dan qabul mestilah bersambung

Lafaz ijab daripada wali dan qabul daripada pengantin lelaki mestilah bersambung. Sekiranya wali berkata, “aku nikahkan engkau dengan anak perempuanku,” lantas pengantin lelaki itu senyap dalam satu jangka masa yang lama, kemudian dia menjawab, “aku terima akan nikahnya,” maka akad tersebut tidak sah kerana wujud pemisah yang panjang di antara ijab dan qabul. Namun, sekiranya senyapnya sekejap, seperti untuk bersin atau bernafas, ianya tidak mencacatkan kesahihan akad.

### iv. Wali dan pengantin lelaki waras sehingga selesai akad

Wali berkata, “aku nikahkan engkau dengan anak perempuanku” tetapi sebelum pengantin lelaki sempat menjawab ijab tersebut, tiba-tiba wali menjadi gila atau pengsan, kemudian barulah pengantin lelaki menerima ijab tadi, maka pernikahan tersebut tidak sah,

Apabila pengantin lelaki berkata, “kahwinkanlah aku dengan anak perempuanmu,” kemudian dia pengsan atau gila sebelum wali sempat

melafazkan ijab, maka akad tersebut batal serta tidak sah walaupun telah berlakunya qabul.

- v. *Sighah* menunjukkan akad berlaku ketika itu juga

*Sighah* tersebut tidak sah apabila dikaitkan dengan masa depan atau meletakkan syarat-syarat tertentu. Seperti wali berkata, “sekiranya datang bulan ramadhan, aku nikahkan engkau dengan anak perempuanku,” lelaki itu menjawab, “aku terima akan nikahnya itu,” maka akad tersebut tidak sah

Ini kerana akad nikah mestilah berlaku ketika itu juga dan kesannya terus menyusul sebaik sahaja akad selesai. Namun, apabila dikaitkan akad dengan masa depan atau syarat-syarat tertentu, maka ia akan menyebabkan akad tersebut tertangguh ke suatu masa yang lain, atau sehingga syarat telah dipenuhi. Perkara seperti ini bertentang dengan kehendak akad.

- vi. *Sighah* mestilah mutlak

Menentukan jangkamasa pernikahan seperti sebulan, setahun atau untuk satu jangka masa yang tidak diketahui seperti sehingga kembalinya orang yang hilang. Wali berkata, “aku nikahkan engkau dengan anak perempuanku sebulan, atau setahun, atau sehingga si polan kembali,” lalu pengantin lelaki berkata. “aku terima akan nikahnya itu,” maka pernikahan itu tidak sah, kerana nikah *mut’ah* diharamkan.

Seterusnya, syarat bagi rukun kedua. Iaitu perempuan yang akan berkahwin telah disyaratkan beberapa perkara untuk menjadikan sesebuah perkahwinan itu sah. Antara syaratnya ialah:

- i. Tidak mempunyai halangan-halangan untuk berkahwin seperti tidak tergolong dalam perempuan yang haram dikahwini dan dipinang.
- ii. Ditentukan. Wali perlulah menentukan anak yang mana yang akan dikahwini dengan pengantin lelaki itu.
- iii. Tidak dalam ihram haji atau umrah.

Syarat bagi rukun ketiga iaitu bagi lelaki yang akan berkahwin adalah:

- i. Bukan mahram kepada perempuan yang ingin dikahwini.

- ii. Lelaki ditentukan. Pengantin lelaki haruslah ditentukan terlebih dahulu sebelum dikahwinkan dengan pengantin perempuan yang juga telah ditentukan oleh walinya.
- iii. Tidak berada dalam ihram haji atau umrah.

Syarat bagi rukun keempat ialah wali. Maksud *al-wilayah* dari segi bahasa adalah kasih sayang dan pertolongan, dan dari segi istilah syarak *wilayah* bermaksud melaksanakan kata-katanya terhadap orang lain dan mengawasi urusan mereka.<sup>5</sup> Syarat-syarat wali ialah:

- i. Islam

Perempuan Islam tidak boleh dikahwinkan oleh orang kafir, kerana tidak ada *al-wilayah*(kekuasaan) orang kafir terhadap orang Islam,

وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنَيْنَ سَبِيلًا

Maksudnya: “*Dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk membinasakan orang-orang yang beriman.*”

(An-Nisa’:141)

*Al-Wilayah* dalam perkahwinan merujuk kepada golongan *asabah* dalam masalah harta pusaka. Dalam masalah ini orang Islam dan orang kafir tidak boleh saling mewarisi harta pusaka antara satu sama lain.

- ii. Adil

Maksud adil ialah wali tidak melakukan dosa-dosa besar, tidak berterusan melakukan dosa-dosa kecil dan tidak melakukan perkara-perkara yang menjatuhkan maruah seperti kencing di jalan-jalan raya, berjalan dengan berkaki ayam dan sebagainya. Oleh itu orang fasik tidak boleh mengahwinkan perempuan yang beriman bahkan hak menjadi wali berpindah kepada wali selepasnya jika dia seorang yang adil.

---

<sup>5</sup>Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji. 2016. *Kitab fikah mazhab Syafie*.Jilid 4. Selangor: Pustaka Salam Sdn. Bhd. hlmn: 734-735.

iii. **Baligh**

Kanak-kanak tidak boleh menjadi wali kerana dia tidak boleh menguruskan dirinya sendiri.

iv. **Berakal**

Orang gila tidak boleh menjadi wali kerana dia juga tidak boleh menguruskan dirinya.

v. **Tidak mempunyai kecacatan yang boleh menjaskan pandangan**

Seseorang yang tidak jelas pandangannya disebabkan terlalu tua atau cacat akal tidak boleh menjadi wali kerana tidak mampu memilih pasangan yang sekufu.

Jika wali sakit atau pengsan disebabkan sakit, perlu menunggu sehingga dia sedar kerana pengsan yang dihadapi hanya sekejap. Ia umpama tidur.

vi. **Wali bukan orang yang dilarang oleh syarak membelanjakan hartanya disebabkan *safih***

Maksud orang yang dilarang oleh syarak membelanjakan hartanya disebabkan safih ialah mereka yang membazirkan hartanya.

vii. **Bukan orang yang berihram**

Orang yang sedang berihram haji atau umrah tidak boleh mengahwinkan orang lain.

Bahagian-bahagian wali terbahagi kepada dua iaitu wali *mujbir* dan wali tidak *mujbir*. Wali *mujbir* hanya terhad kepada bapa dan datuk sahaja. Wali *mujbir* hanya berlaku kepada perkahwinan anak dara sama ada masih kecil atau sudah besar, berakal atau gila. Disebabkan itu, seorang bapa atau datuk dibolehkan untuk mengahwinkan anak perempuan mereka yang masih dara tanpa kebenaran dan keredaannya kerana bapa lebih mengetahui kebaikan untuk anaknya.

Namun begitu, terdapat tiga syarat bagi wali *mujbir* iaitu tidak ada permusuhan ketara di antara wali dengan perempuan tersebut, perkahwinan itu hendaklah sekufu dan bakal suami mempunyai kemampuan menyegerakan bayaran

mas kahwin.<sup>6</sup> Tetapi meminta izin anak dara adalah digalakkan kerana ianya lebih baik dan sunat bagi wali meminta izin untuk mengahwinkannya, menghormati dan menyenangkan hatinya.

Seterusnya, wali yang tidak *mujbir* (wali *ikhtiar*/wali biasa) ialah wali selain daripada bapa dan datuk. Wali tidak *mujbir* ini berlaku apabila mengahwinkan perempuan janda melainkan dengan kebenaran dan keredaannya. Maksud janda ialah perempuan yang hilang daranya dengan sebab persetubuhan yang halal atau haram, bukan disebabkan sakit atau terjatuh atau sebagainya. Kedudukan wali mengikut susunan ialah:

- i. Bapa
- ii. Datuk
- iii. Saudara lelaki seibu sebapa
- iv. Saudara lelaki sebapa
- v. Anak lelaki kepada saudara lelaki seibu sebapa
- vi. Anak lelaki kepada saudara lelaki sebapa
- vii. Bapa saudara dari pihak bapa seibu sebapa
- viii. Bapa saudara dari pihak bapa sebapa
- ix. Anak lelaki kepada bapa saudara dari pihak bapa seibu sebapa
- x. Anak lelaki kepada bapa saudara dari pihak bapa sebapa
- xi. Bapa saudara dari pihak bapa kepada bapa seibu sebapa
- xii. Bapa saudara dari pihak bapa kepada bapa seibapa<sup>7</sup>

Seterusnya syarat bagi rukun yang kelima iaitu dua orang saksi. Antara syarat dua orang saksi ialah:

- i. Islam

Seorang perempuan yang berakad nikah dengan bersaksikan orang bukan Islam adalah tidak sah kerana ianya dianggap sebagai urusan agama dan ianya mesti bersaksikan dengan saksi yang beragama Islam serta tidak boleh orang kafir menjadi saksi ke atas orang Islam.

---

<sup>6</sup>Said Ibrahim. 2001. *400 Soal jawab nikah kahwin*. Selangor: Darul Ma'rifah. hlmn: 40.

<sup>7</sup>Said Ibrahim. 2001. *400 Soal jawab nikah kahwin*. Selangor: Darul Ma'rifah. hlmn: 34-35.

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ

Maksudnya: “*Orang lelaki yang beriman dan orang perempuan yang beriman, sesetengah mereka menjadi wali kepada sesetengah yang lain.*”

(at-Taubah:71)

وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا

Maksudnya: “*Dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk membinasakan orang-orang beriman.*”

(An-Nisa':141)

ii. Lelaki

Penyaksian saksi perempuan atau seorang saksi lelaki bersama dua orang saksi perempuan semasa akad nikah akan menyebabkan akad nikah tersebut menjadi tidak sah. Zuhri rhm berkata: “Sunnah Rasulullah SAW tidak membenarkan saksi perempuan dalam hukum hudud, nikah dan talak.”

iii. Baligh dan berakal

Kehadiran orang-orang gila dan kanak-kanak akan menyebabkan akad nikah tersebut menjadi tidak sah.

iv. Adil walaupun zahirnya sahaja

Kedua-dua orang saksi mestilah adil walaupun hanya dari luaran sahaja yang bermaksud kefasikannya dilakukan secara sembunyi-sembunyi dan tidak dilihatkan kepada orang lain.

v. Mendengar

Saksi yang pekak atau tidur akan menyebabkan sesuatu akad menjadi tidak sah kerana matlamat menjadi saksi tidak tercapai dan juga kerana akad yang disaksikan adalah perkataan yang dilafazkan.

vi. Melihat

Saksi yang buta akan menyebabkan sesuatu akad perkahwinan itu menjadi tidak sah kerana perkataan yang dilafazkan tidak boleh diperakui kecuali dengan menentukan penuturnya dan didengari.

## 2.5 HIKMAH DAN GALAKAN BERKAHWIN

Setiap perkara yang berlaku pasti ada hikmah yang tersendiri. Begitu juga dengan perkahwinan, yang semestinya ada hikmah yang tersendiri disebaliknya. Antara hikmah perkahwinan adalah menyahut seruan fitrah manusia yang telah difitrahkan oleh Allah. Manusia dicipta dengan adanya keinginan seksual dan keinginan kepada wanita serta wanita yang berkeinginan kepada lelaki. Islam tidak menyekat naluri dalam diri setiap manusia dan tidak menghancurkan kehidupan manusia dengan mengharamkan perkahwinan dan menyeru agar hidup bujang.

Seterusnya, melalui perkahwinan akan melahirkan keturunan yang soleh dan remaja yang berakhhlak untuk masyarakat Islam. Islam menggalakkan umatnya supaya mempunyai keturunan yang ramai. Oleh itu, Islam juga menyeru wali supaya mengahwinkan anak lelaki dan perempuan mereka. Firman Allah Taala:

وَأَنِّكُحُوا الْأَيَامِي مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءٌ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ

وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ

Maksudnya: “*Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) di antara kamu, dan orang soleh daripada hamba-hamba kamu yang lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka*

*daripada limpah kurnia-Nya, kerana Allah amat luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya), lagi amat mengetahui.”*

(An-Nur: 32)

Selain itu, hikmah perkahwinan juga ialah dapat mewujudkan ketenangan jiwa dan ketenteraman rohani. Surah al-baqarah ayat 187 menggambarkan keperluan manusia kepada perkahwinan, serta ketenangan dan kebahagiaan yang lahir daripada perkahwinan tersebut.

هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ هُنَّ<sup>۱۸۷</sup>

Maksudnya: “Mereka (isteri-isteri kamu) adalah pakaian bagi kamu, dan kamu adalah pakaian bagi mereka.”

(Al-Baqarah: 187)

Hikmah yang seterusnya adalah menjaga akhlak daripada runtuh dan rosak. Jika manusia dilarang daripada berkahwin, mereka akan memenuhi keperluan nafsunya dengan cara yang haram. Telah jelas bahawa zina adalah perbuatan yang tidak berakhlek, dan mampu mengundang kepada akibat yang buruk. Melalui perkahwinan juga, ianya mampu menjaga kesempurnaan dan kesejahteraan keturunan manusia.

Akhir sekali, perkahwinan dapat meluaskan medan persaudaraan dan membina prinsip bekerjasama. Contohnya, situasi bagi dua keluarga yang tidak pernah bertemu, bersatu menjadi satu keluarga yang mana akan melahirkan satu ikatan baru dan kasih sayang yang utuh antara satu sama lain.

Seterusnya, Islam menggalakkan umatnya supaya berkahwin kerana perkahwinan mempunyai faedah yang besar kepada individu dan masyarakat. Seorang lelaki digalakkan supaya segera berkahwin adalah untuk memelihara dan menjaga pandangan dan kehormatan diri. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang bermaksud,

*“Wahai para remaja (pemuda), sesiapa di kalangan kamu yang mampu untuk berkahwin, maka hendaklah segera berkahwin, sesungguhnya yang demikian itu*

*memelihara pandangan dan menjaga kehormatan serta sesiapa yang tidak mampu, hendaklah berpuasa, sesungguhnya yang demikian dapat menjaga dirinya.”*

Islam juga mensyariatkan bahawa wanita yang digalakkan menjadi calon isteri adalah wanita yang kuat pegangan agamanya. Hikmahnya, semakin berlalunya masa, agama akan bertambah kukuh dan akhlak akan terus mantap apabila menempuh dugaan dalam kehidupan. Apabila diutamakan pemilihan dari sudut ini, ianya akan menjamin kasih sayang dan kecintaan yang berterusan. Seterusnya boleh mendapatkan zuriat yang ramai. Apabila ingin mengetahui kesuburan seseorang perempuan, ianya boleh dilihat kepada keluarganya seperti adik-beradik perempuan, ibu saudaranya dan sebagainya.<sup>8</sup>

Selain itu, berasal dari keturunan yang mulia, iaitu berasal dari benih yang baik. Pemilihan ini dapat membantu membina sebuah rumah tangga yang aman dan harmoni serta berkekalan. Akhir sekali, mempunyai paras yang cantik dan mempunyai harta. Pemilihan dari segi paras rupa dan harta bukannya tidak penting, tetapi apabila seseorang itu memilih wanita yang tinggi agamanya, maka sudah jelas bahawa rumah tangga yang bakal dibina akan kekal.

## 2.6 HUKUM PERKAHWINAN

Hukum asal berkahwin adalah harus, tetapi ianya boleh berubah mengikut keadaan. Hukum pertama adalah wajib, iaitu keadaan di mana mereka yang mampu dari segi zahir dan batin dan yang menambah taqwa serta menjauhkan diri dari melakukan zina. Hukum kedua adalah haram, keadaan ini terjadi bagi mereka yang tidak berkemampuan dari segi zahir dan batin.

Seterusnya hukum ketiga adalah sunat, keadaan ini merujuk kepada sesiapa sahaja yang berkemampuan dari sudut zahir dan batin tetapi mereka masih mampu menahan diri dari melakukan penzinaan. Selain itu, hukum keempat adalah makruh, di mana keadaan ini terjadi bagi mereka yang tidak mampu zahir dan batin, tetapi tidak memberi bahaya kepada isteri kerana isterinya kaya dan tidak kuat keinginnya untuk melakukan hubungan suami isteri. Hukum yang terakhir adalah harus, iaitu

<sup>8</sup>Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji. 2016. *Kitab fikah mazhab Syafie*.Jilid 4. Selangor: Pustaka Salam Sdn. Bhd. hlmn: 715.

bagi mereka yang dalam keadaan tidak ada halangan untuk berkahwin dan tidak ada pula perkara yang mendorong dirinya berkahwin.<sup>9</sup>

## 2.7 KESIMPULAN

Objektif dari bab dua adalah menekankan tentang perkahwinan menurut Islam. Perkahwinan adalah satu lafaz akad nikah yang menghalalkan hubungan antara lelaki dengan perempuan untuk melakukan persetubuhan. Perkahwinan bertujuan untuk mendapatkan zuriat dan memanjangkan keturunan. Dalam bab ini terdapat definisi perkahwinan, pembahagian nikah, rukun-rukun nikah, syarat-syarat nikah, hikmah dan galakan berkahwin dan hukum berkahwin.

Terdapat juga syarat-syarat dan rukun-rukun yang ditetapkan untuk dipenuhi bagi sesiapa saja yang ingin berkahwin supaya perkahwinan itu adalah perkahwinan yang sah. Nikah terbahagi kepada dua iaitu nikah yang batil dan nikah yang sah. Nikah yang batil adalah nikah yang tidak cukup rukun atau syarat sah nikah. Hukum bagi nikah ini adalah haram kerana tidak ada apa-apa pun kesan yang terjadi daripada perkahwinan itu.

Namun, sesetengah bentuk nikah yang batil, perempuan wajib dibayar mahar misil. Contohnya adalah, perkahwinan tanpa wali dan perempuan itu telah disetubuhi. Seterusnya adalah nikah yang sah, yang bermaksud nikah yang cukup rukun dan syarat sah perkahwinan yang akan melahirkan kesan-kesan dan tanggungjawab daripada perkahwinan tersebut. Selain itu, dalam bab dua telah dinyatakan rukun-rukun nikah iaitu sighah, isteri, suami, wali dan dua orang saksi.

Terdapat juga syarat-syarat nikah yang telah diterangkan dalam bab dua ini, hikmah dan galakan berkahwin turut dijelaskan seperti memenuhi fitrah manusia, menjaga diri daripada melakukan zina, mengeratkan silaturahim antara dua keluarga dan sebagai. Di samping itu, hukum kahwin juga telah ditekankan dalam bab dua ini. Hukum asal berkahwin adalah harus tetapi berubah mengikut keadaan.

---

<sup>9</sup>Said Ibrahim. 2001. *400 Soal jawab nikah kahwin*. Selangor: Darul Ma'rifah. H: 1-2.

Seterusnya, Islam menggalakkan umatnya supaya berkahwin kerana perkahwinan mempunyai faedah yang besar kepada individu dan masyarakat. Seorang lelaki digalakkan supaya segera berkahwin adalah untuk memelihara dan menjaga pandangan dan kehormatan diri.

Antara hukum kahwin ialah wajib berdasarkan kemampuan mereka dari segi zahir dan batin serta dapat meningkatkan taqwa. Hukum lain seperti haram disebabkan mereka tidak mampu dari segi zahir dan batin. Hukum kahwin seterusnya adalah sunat dengan keadaan mampu dari segi zahir dan batin tetapi mampu menahan diri dari melakukan zina. Akhir sekali, hukum makruh berlaku apabila mereka tidak mampu zahir dan batin tetapi tidak membahayakan isteri.

## **BAB 3**

### **PROSEDUR PERKAHWINAN DI LUAR NEGARA**

#### **3.1 PROSEDUR-PROSEDUR PERKAHWINAN DI LUAR NEGARA**

Sesiapa yang ingin berkahwin di luar negara, perlulah berpandukan Hukum Syarak dan Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri atau undang-undang yang berkuat kuasa di negeri berkenaan. Bagi memudahkan segala urusan perkahwinan, perceraian dan ruju' di luar negara, kerajaan Malaysia telah melantik Pendaftar Perkahwinan, Penceraihan dan Ruju' di Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul di beberapa buah negara.<sup>10</sup>

Mengikut seksyen 24 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984<sup>11</sup> memperuntukkan akad nikah perkahwinan di Kedutaan-kedutaan, dsb, Malaysia di luar negeri. Namun menurut seksyen 12 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 telah memperuntukkan bahawa sesuatu perkahwinan yang bersalahan dengan Akta ini tidak boleh didaftarkan di bawah Akta ini.

Namun, bagi Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul di luar negara yang tidak mempunyai Pendaftar Perkahwinan, Penceraihan dan Ruju', rakyat Malaysia dibenarkan mendaftarkan perkahwinan, perceraian dan ruju' di Badan-

---

<sup>10</sup>Garis Panduan Permohonan & Pendaftaran Perkahwinan, Penceraihan dan Ruju' di Luar Negara. hlmn: 3.

<sup>11</sup>1964. Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan)1984. 24/3/2018, [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal\\_Original.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/d441586f0bd6767348256cef00297264?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Original.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/d441586f0bd6767348256cef00297264?OpenDocument)

badan Agama, Majlis Agama Islam atau Pusat Islam yang diiktiraf oleh pihak berkuasa negara berkenaan.<sup>12</sup>

### **3.1.1 Prosedur sebelum melangsungkan perkahwinan di luar negara**

Sesiapa saja rakyat Malaysia yang ingin melangsungkan perkahwinan di luar negara, perlulah mendapatkan kebenaran berkahwin di luar negara daripada Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia terlebih dahulu mengikut negeri pemohon sendiri. Seterusnya pemohon juga perlulah mempunyai surat kebenaran wali (wakalah) untuk melangsungkan perkahwinan di luar negara.

Setelah mendapat kebenaran berkahwin di luar negara daripada Jabatan Agama Islam Negeri dan surat kebenaran wali, pemohon bolehlah merujuk kepada Pendaftar Perkahwinan, Penceraian dan Ruju' di Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul di negara yang ingin dilangsungkan pernikahan itu. Namun, bagi Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul di luar negara yang tidak mempunyai Pendaftar Perkahwinan, Penceraian dan Ruju', pemohon dibenarkan mendaftarkan perkahwinan, perceraian dan ruju' di Badan-badan Agama, Majlis Agama Islam atau Pusat Islam yang diiktiraf oleh pihak berkuasa negara berkenaan.<sup>13</sup>

### **3.1.2 Perkahwinan yang ingin dilakukan di Pejabat Education Malaysia United Kingdom**

Akad nikah yang boleh dilaksanakan sendiri oleh Pendaftaran Perkahwinan, Penceraian dan Ruju' orang Islam Luar Negara di Education Malaysia United Kingdom di Dewan Malaysia London dan Bangunan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London bagi rakyat negeri yang setakat ini telah PNCR menerima tauliah iaitu negeri Perak, Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Kelantan dan Perlis.

---

<sup>12</sup>Garis Panduan Permohonan & Pendaftaran Perkahwinan, Penceraian dan Ruju' di Luar Negara. hlmn: 3.

<sup>13</sup>Ruzain Syukur. 2017. *Prosedur pernikahan orang Islam warganegara Malaysia diluar negara*. hlmn: 1.

Walau bagaimanapun, akad nikah juga boleh dilaksanakan di badan-badan agama, Majlis Agama Islam, Pusat Islam, masjid komuniti yang diiktiraf oleh negara berkenaan mengikut undang-undang syariah yang telah ditetapkan serta lengkah syarat-syaratnya. Bagi sesiapa yang melangsungkan pernikahan di badan-badan agama, majlis agama Islam, Pusat Islam, masjid komuniti, dokumen pernikahan yang diterima perlulah dibawa ke Education Malaysia, Suruhanjaya Tinggi Malaysia United Kingdom, 30-34 Queensborouh Terrace, W23ST bagi tujuan pengeluaran laporan pernikahan yang telah dilangsungkan.<sup>14</sup>

Setelah laporan pernikahan dikeluarkan oleh PNCR di Luar Negara bagi pihak Suruhanjaya Tinggi Malaysia United Kingdom, laporan tersebut perlulah dibawa ke Malaysia bagi urusan pendaftaran pernikahan dengan Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia bagi mendapatkan sijil nikah Malaysia. Pasangan tersebut juga perlu mendaftarkan pernikahan tersebut di Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia dalam tempoh enam bulan setelah kembali ke Malaysia.

Rakyat Malaysia yang ingin berkahwin di United Kingdom perlulah membawa beberapa dokumen iaitu<sup>15</sup>:

- i. Pasangan yang ingin berkahwin perlulah melengkapkan permohonan nikah yang boleh didapati daripada Pendaftar Nikah, Cerai dan Ruju' Luar Negara.
- ii. Pasangan mestilah membuat temujanji dengan Pendaftar Nikah, Cerai dan Ruju' Luar Negara dalam tempoh satu bulan sebelum tarikh akad nikah.
- iii. Pasangan tersebut mestilah mempunyai surat kebenaran nikah di luar negara dan memenuhi segala keperluan yang diperlukan oleh Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia.
- iv. Mereka perlu membawa dokumen asal dan empat salinan dokumen tersebut.
  - i. Kad pengenalan atau dokumen pengenalan diri dan pasangan.
  - ii. Sijil atau kenyataan memeluk Islam (jika berkaitan).

---

<sup>14</sup>Ruzain Syukur. 2017. *Prosedur pernikahan orang Islam warganegara Malaysia diluar negara*. hlmn: 2.

<sup>15</sup>Ruzain Syukur. 2017. *Prosedur pernikahan orang Islam warganegara Malaysia diluar negara*. hlmn: 2.

- iii. Passport pemohon dan pasangan.
- iv. Sijil *certified copy of an Entry of Marriage* (jika berkaitan).
- v. Surat *wakalah wali*.
- vi. Surat perakuan cerai atau surat kematian pasangan terdahulu (jika berkaitan).
- vii. Tiga keping gambar terkini pemohon dan pasangan.

### **3.2 SEBAB BERLAKUNYA PERKAHWINAN DI LUAR NEGARA**

Mereka yang melangsungkan perkahwinan di luar negara mempunyai alasan yang tersendiri, ada yang disebabkan menetap di sana atau bekerja, ada yang berkahwin di luar negara disebabkan perkahwinan sindiket yang berkemungkinan tidak mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan, ada juga yang berkahwin disebabkan pasangannya tinggal di luar negara dan menganut agama yang sama tetapi berlainan bangsa.

Menurut Tuan Haji Zainul Abidin bin Mat Nor, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan(JAWI), perkahwinan sindiket bermaksud pernikahan yang tidak mengikut saluran yang diiktiraf oleh perundangan Malaysia.<sup>16</sup> Beberapa langkah telah diambil untuk menangani isu perkahwinan sindiket ini, namun hingga kini, masih belum dapat ditangani sepenuhnya oleh perundangan Malaysia.

Dilihat kepada matlamat pihak yang terlibat dalam perkahwinan sindiket ini, mereka hanya bermatlamat untuk berkahwin semata-mata tanpa menghiraukan sama ada perkahwinan itu sah dari segi hukum syarak mahupun perundangan yang sedia ada. Segala urusan yang berkaitan dengan perkahwinan orang Islam di Malaysia ini, diaturkan oleh undang-undang setiap negeri yang dikenali sebagai enakmen keluarga Islam dan akta bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan.

Enakmen keluarga Islam dan akta bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan bermatlamat untuk mengadakan peruntukan undang-undang keluarga Islam berhubung dengan perkahwinan, penceraian, nafkah, jagaan dan perkara lain yang

---

<sup>16</sup>Intan Nadia Ghulam Khan, Hasnizam Hashim, Haliza A.Shukor dan Nabilah Yusof.2013. *Nikah sindiket di Malaysia*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia. hlmn: 12.

berkaitan dengan kehidupan berkeluarga. Tanpa disedari, dengan adanya undang-undang ini, maka hak dan tanggungjawab pihak yang terlibat akan kekal terpelihara dan dapat menghalang daripada berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini seperti perkahwinan sindiket.

Bagi Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, YAA Dato' Mohamad bin Haji Abdullah, beliau berpendapat bahawa perkahwinan sindiket merupakan perkahwinan yang tidak mengikut undang-undang atau bersalah dengan undang-undang sama ada sah atau tidak sah dan melalui syarikat atau tidak.<sup>17</sup>

Merujuk kes permohonan pendaftaran semula perkahwinan oleh *Md. Khairul b. Jaafar v Mazita Mohamed* kedua pasangan ini telah diakad nikah oleh abang kandung plaintif kedua, kerana bapa kandungnya tidak diketahui keberadaannya. Hakim memutuskan bahawa akad nikah tersebut tidak sah atas alasan jurunikah tidak mempunyai kuasa perwalian walaupun beliau merupakan abang kandung plaintif kedua.

Nikah sindiket juga merupakan pernikahan yang tidak didaftarkan di pejabat Pendaftar Perkahwinan yang mana wali yang menikahkan tidak mendapat tauliah daripada Majlis Agama Islam Negeri selain daripada pernikahan yang menimbulkan keraguan dan juga wali yang meragukan. Ianya juga merupakan suatu perbuatan yang melakukan pernikahan dengan tujuan untuk menipu dan juga secara haram yang dilakukan oleh melalui perantaraan seseorang atau kumpulan ahli yang tidak mendapat tauliah daripada pihak pentadbir agama.

Kahwin lari pula merupakan perkahwinan yang dibuat di hadapan jurunikah yang tidak bertauliah, sindiket nikah palsu yang dibuat dihadapan jurunikah yang bertauliah, sijil pernikahan yang palsu atau sijil nikah asli yang dipalsukan dan upacara perkahwinan yang didalangi oleh kumpulan haram. Faktor-faktor yang mendorong kepada berlakunya perkahwinan sindiket ini adalah wujudnya syarikat sindiket pernikahan.

Pernikahan sindiket ini diatur oleh kumpulan tertentu yang bermatlamat untuk mencari keuntungan. Terdapat kumpulan sindiket perkahwinan yang

---

<sup>17</sup>Intan Nadia Ghulam Khan, Hasnizam Hashim, Haliza A.Shukor dan Nabilah Yusof.2013. *Nikah sindiket di Malaysia*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia. hlmn: 13.

mengambil bayaran sebanyak RM 3000, segala urusan mereka akan uruskan seperti menguruskan saksi, dokumen-dokumen, kah nikah palsu dan perkara-perkara yang lain. Kumpulan sindiket ini akan memperalatkan orang tertentu untuk menjadi jurunikh tanpa jurunikh tersebut mengetahui bahawa perkahwinan yang ingin diakadkan nikah itu adalah perkahwinan sindiket.

Dirujuk kes *Nor Hasnida Hasan v Mohd Amir s/o Abdul Alim Bawang*. Responden membayar RM 2500 kepada agen pernikahan sindiket bagi menguruskan majlis akad nikah iaitu untuk pendaftaran dan bayaran lain. Namun, setelah siasatan dijalankan, JAWI mengesahkan bahawa pernikahan itu tidak berdaftar di JAWI dan Mahkamah memutuskan bahawa pernikahan tersebut adalah pernikahan *fasid*.

Seterusnya adalah faktor keluarga. Keluarga yang menginginkan anaknya berkahwin, tetapi memandangkan umur anaknya masih muda, mereka mengambil langkah yang mudah iaitu dengan menggunakan saluran pernikahan sindiket. Terdapat juga wali yang enggan mengahwinkan anak perempuan mereka. Sudah jelas bahawa wali mempunyai kuasa untuk mengahwinkan anak perempuan mereka walaupun tanpa persetujuan dari anak mereka.

Tetapi, untuk tidak membenarkan anak perempuan berkahwin dengan pilihan mereka, wali juga perlu mengemukakan sebab yang munasabah. Namun, apabila wali gagal membuktikan sebab yang munasabah, anak perempuan tersebut boleh membuat permohonan di mahkamah untuk diakad nikahkan menggunakan wali raja.

Seseorang individu itu juga boleh menjadi faktor kenapa perkahwinan sindiket itu berlaku. Mungkin disebabkan lelaki yang ingin berpoligami dan tanpa pengetahuan isteri pertama ataupun pasangan muda yang mengambil jalan mudah untuk menghalalkan hubungan dengan melakukan perkahwinan sindiket dengan alasan untuk mengelak daripada berlakunya zina, atau pasangan yang sudah terlanjur dalam sesbuah hubungan sama ada hamil atau tidak, mereka dikatakan lebih terdesak untuk menghalalkan hubungan dengan mengambil jalan melakukan perkahwinan sindiket untuk menutup maruah yang tercalar.

Selain itu, undang-undang juga menjadi faktor kepada berlakunya perkahwinan sindiket. Ada yang mengatakan bahawa undang-undang yang sedia ada merumitkan keadaan kerana pasangan perlu melakukan beberapa prosedur tertentu

sebelum perkahwinan mereka dapat dilaksanakan. Seperti contoh perkahwinan bawah umur, yang terdapat dalam seksyen 8 Akta Undang-Undang Keluarga Islam(Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, umur minimum bagi lelaki yang ingin berkahwin adalah 18 tahun dan bagi perempuan adalah pada umur 16 tahun, tetapi mereka boleh memohon kepada Hakim Syarie untuk melakukan pernikahan di bawah umur dengan menyatakan sebab-sebab tertentu.

Akhir sekali, faktor iklan di dalam internet. Perbuatan agen pernikahan sindiket memuat naikkan iklan di dalam internet dan menjadi tontonan ramai, boleh menyebabkan pernikahan sindiket ini berlaku. Lebih-lebih lagi apabila khidmat yang dipaparkan di dalam iklan mampu untuk pelanggan sediakan, seperti bayaran yang dikenakan adalah rendah. Ini secara tidak langsung akan menjadi satu jalan yang mudah bagi pasangan-pasangan yang sudah terlanjur atau menghadapi pelbagai masalah untuk melaksanakan perkahwinan demi menutup malu akibat perbuatan mereka dan tidak mengetahui akibat atau kesan yang bakal dihadapi pada masa akan datang.

Dilihat pula kepada perkahwinan campur, yang dikatakan sama agama tetapi berlainan bangsa. Bagi pasangan yang bakal suami atau isterinya berlainan bangsa, mereka juga dibolehkan untuk berkahwin. Tetapi mereka perlulah menjalani beberapa prosedur tertentu sebelum melaksanakan perkahwinan di luar negara. Seterusnya, bagi mereka yang bekerja atau belajar di luar negara juga dibenarkan untuk melangsungkan perkahwinan di luar negara dan perlulah melakukan prosedur tertentu yang telah diterangkan. Namun perkahwinan campur ini juga boleh menimbulkan masalah di kemudian hari, disebabkan dua cara hidup yang berbeza.<sup>18</sup>

### **3.3 PROSEDUR YANG PERLU DILAKUKAN SETELAH KEMBALI KE MALAYSIA**

Akad nikah yang telah selesai dilaksanakan oleh Pendaftaran Perkahwinan, Penceraian dan Ruju' orang Islam Luar Negara perlulah menunggu laporan pernikahan. Namun, akad nikah yang dilaksanakan di badan-badan agama, majlis

---

<sup>18</sup> Sidi Gazalba. 1981. *Di ambang pintu perkahwinan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara. hlmn: 82.

agama Islam, Pusat Islam, masjid komuniti yang diiktiraf perlulah membawa dokumen pernikahan ke Suruhanjaya Tinggi Malaysia di luar negara untuk pengeluaran dokumen pernikahan.

Setelah laporan pernikahan dikeluarkan oleh Pendaftar Pernikahan, Penceraihan dan Ruju' di Luar Negara, laporan tersebut perlulah dibawa ke Malaysia bagi urusan pendaftaran pernikahan dengan Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia bagi mendapatkan sijil nikah Malaysia. Pasangan tersebut juga perlu mendaftarkan pernikahan tersebut di Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia dalam tempoh enam bulan setelah kembali ke Malaysia.<sup>19</sup>

Setiap pemohonan pendaftaran nikah hendaklah disertakan dengan maklumat seperti yang berikut:

- i. Salinan kad pengenalan suami dan isteri yang disahkan. (jika berkenaan)
- ii. Salinan pasport suami atau isteri yang bukan warganegara yang disahkan atau surat akuan sumpah yang diikrarkan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah. (jika berkenaan)
- iii. Salinan Perakuan Masuk Islam atau apa-apa catatan mengenai pengislaman yang disahkan. (jika berkenaan)
- iv. Salinan surat kebenaran berkahwin yang disahkan. (jika berkenaan)
- v. Salinan sijil mati yang disahkan jika pemohon bercerai mati atau perintah anggapan mati beserta dengan surat perakuan nikah yang asal.
- vi. Surat nikah asal dan salinannya yang disahkan serta terjemahan surat nikah asal dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.
- vii. Surat perakuan cerai dan pembatalan salinannya yang disahkan atau apa-apa pengesahan penceraihan yang diiktiraf oleh Mahkamah. (jika berkenaan)
- viii. Surat *wakalah* wali sekiranya wali tidak dapat hadir semasa majlis akad nikah dijalankan.

---

<sup>19</sup>Garis Panduan Permohonan & Pendaftaran Perkahwinan, Penceraihan dan Ruju' di Luar Negara. hlmn: 7.

ix. Apa-apa dokumen berkaitan pernikahan yang diperakui oleh pihak berkuasa agama negara berkenaan.

Dalam kes antara *Nor Hayati binti Mohd Kassim v Wakim el-Khoury*<sup>20</sup>, plaintif seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan beragama Islam memohon untuk mengesahkan nikah luar negara (Australia) dengan pasangannya Wakim el-Khoury yang merupakan responden dalam kes ini. Semasa pernikahan plaintif tidak mempunyai wali nasab kecuali seorang waris perempuan yang masih hidup.

Pernikahan yang dilakukan oleh wali hakim yang dilantik oleh Pusat Masyarakat Islam iaitu Imam di Masjid Coburg Victoria, Melbourne, Australia. Pusat Masyarakat Islam tidak mengeluarkan sebarang sijil atau perakuan nikah sebaliknya hanya merekodkan pernikahan tersebut di dalam buku rekod. Oleh yang demikian, mahkamah berpuas hati dengan segala keterangan dan bukti-bukti yang diberikan dan memerintahkan perkahwinan tersebut hendaklah didaftarkan.


Jika sesuatu perkahwinan yang dilakukan di luar negara memenuhi segala syarat yang ditetapkan, maka perkahwinan itu diiktiraf sebagai suatu perkahwinan yang sah mengikut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Menurut seksyen 31 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984<sup>21</sup> menyatakan mereka yang telah berkahwin di luar negara perlulah mendaftarkan perkahwinan dalam tempoh enam bulan setelah kembali ke Malaysia.

Sekiranya gagal mendaftar perkahwinan dalam tempoh yang ditetapkan, maka jika sabit kesalahan hukuman denda tidak melebihi RM 1000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya boleh dikenakan.

---

<sup>20</sup>Zuliza Mohd Kusrin dan Hamidah bt Harun. 2014. *Konsep perkahwinan tanpa kebenaran di Malaysia*. Shariah Law Report, (2014) 3 ShLR.

<sup>21</sup>1964. Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan)1984. 24/3/2018, [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal\\_Original.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/d441586f0bd6767348256cef00297264?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Original.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/d441586f0bd6767348256cef00297264?OpenDocument)



Rajah 1.1 Carta Panduan Mendaftar

### **3.4 IMPLIKASI PERKAHWINAN DI LUAR NEGARA**

Setiap yang dilakukan pasti akan mendatangkan kesan, sama ada kesan yang baik maupun buruk. Begitu juga dengan perkahwinan di luar negara. Jika perkahwinan tersebut dilaksanakan mengikut prosedur-prosedur tertentu yang telah ditetapkan, maka untuk mewujudkan perkahwinan yang sah adalah mudah. Dilihat pula apabila pasangan yang berkahwin tersebut tidak melakukan prosedur yang telah ditetapkan, masalah perkahwinan yang tidak sah akan timbul.

Perkahwinan yang tidak sah ini terjadi apabila perkahwinan yang dilakukan tersebut tidak cukup syarat atau rukun. Seterusnya, perkahwinan yang menggunakan wali hakim yang tidak diiktiraf dan perkahwinan yang tidak didaftarkan setelah enam bulan kembali ke Malaysia.

Dalam kes *Azlinda bt Mohd Yatim v Syamsul Ariffin bin Abdullah*. Plaintiff dan Defendan telah berkahwin pada 11 September 1996 di Taman Keramat, Kuala Lumpur berwalikan wali hakim, seorang warganegara Indonesia yang dipanggil ‘Pak Kiyai’ yang juga kenalan defendant. Semasa pernikahan, plaintiff seorang anak angkat dan tidak mengetahui siapakah bapa sebenarnya yang boleh menjadi wali pernikahan.

Mereka dikurniakan tiga orang anak. Walau bagaimanapun, tiada sebarang dokumen pernikahan yang dikemukakan di mahkamah. Mahkamah memutuskan supaya perkahwinan dibubarkan kerana plaintiff tidak memohon kebenaran bernikah secara wali hakim dan wali hakim yang mengakad nikahkan perkahwinan tersebut tidak diiktiraf dari segi Hukum Syarak dan Undang-undang.

Disebabkan beberapa faktor yang mendorong berlakunya perkahwinan di luar negara, maka tercetuslah beberapa implikasi daripada tindakan tersebut. Dilihat implikasi terhadap individu, salah satu kesannya adalah terhadap perwarisan harta pusaka. Di mana setiap perkahwinan yang sah mampu membolehkan mereka mewarisi harta pusaka pasangan masing-masing.<sup>22</sup>

Namun, jika perkahwinan tersebut tidak sah, iaitu perkahwinan yang dibina tanpa cukupnya syarat dan rukun nikah seperti tiada saksi, nikah mutaah dan

---

<sup>22</sup>Intan Nadia Ghulam Khan, Hasnizam Hashim, Haliza A.Shukor dan Nabilah Yusof.2013. *Nikah sindiket di Malaysia*. Negeri Sembilan: Universiti Sains IslamMalaysia. hlmn: 65.

sebagainya mereka tidak berhak untuk mewarisi harta pusaka di antara satu sama lain. Ini kerana mereka tidak memenuhi syarat mewarisi pusaka yang boleh diwarisi antara suami dan isteri. Kesan kepada anak yang lahir daripada perkahwinan yang tidak sah, mereka juga tidak layak mewarisi harta pusaka milik bapanya.

### **3.5 KESIMPULAN**

Telah jelas bahawa setiap perkahwinan yang ingin dilangsungkan di luar negara perlulah mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan supaya perkahwinan yang dilangsungkan itu adalah satu akad yang sempurna dari semua sudut. Apabila prosedur-prosedur tersebut tidak dilaksanakan sepenuhnya, akan timbul kesan-kesan di masa akan datang, dan akibat yang sering terjadi adalah perkahwinan yang dilangsungkan di luar negara tersebut merupakan perkahwinan yang tidak sah dari segi hukum syarak dan undang-undang.

Perkahwinan yang ingin dilakukan di Pejabat Education Malaysia United Kingdom. Akad nikah yang boleh dilaksanakan sendiri oleh Pendaftaran Perkahwinan, Penceraihan dan Ruju' orang Islam Luar Negara di Education Malaysia United Kingdom di Dewan Malaysia London dan Bangunan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London bagi rakyat negeri yang setakat ini telah PNCR menerima tauliah iaitu negeri Perak, Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Kelantan dan Perlis.

Walau bagaimanapun, akad nikah juga boleh dilaksanakan di badan-badan agama, Majlis Agama Islam, Pusat Islam, masjid komuniti yang diiktiraf oleh negara berkenaan mengikut undang-undang syariah yang telah ditetapkan serta lengkah syarat-syaratnya. Bagi sesiapa yang melangsungkan pernikahan di badan-badan agama, majlis agama Islam, Pusat Islam, masjid komuniti, dokumen pernikahan yang diterima perlulah dibawa ke Education Malaysia, Suruhanjaya Tinggi Malaysia United Kingdom, 30-34 Queensborouh Terrace, W23ST bagi tujuan pengeluaran laporan pernikahan yang telah dilangsungkan.

Perkahwinan yang dilangsungkan di luar negara perlulah didaftarkan dalam tempoh enam bulan setelah pasangan tersebut kembali ke Malaysia. Jika gagal berbuat sedemikian dalam tempoh yang telah ditetapkan, denda tidak melebihi RM 1000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya boleh dikenakan.

## **BAB 4**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **4.1 RUMUSAN**

Dalam bab satu penulis dapat merumuskan bahawa mengikut permasalahan kajian, terdapat rakyat Malaysia yang berkahwin di luar negara tanpa mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan. Ini akan menyebabkan banyak masalah yang akan timbul apabila sekembalinya mereka ke Malaysia.

Seterusnya, mereka yang berkahwin di luar negara, iaitu di luar Malaysia memiliki alasan yang berbeza, ada yang berkahwin disebabkan menetap di sana atau bekerja, ada yang berkahwin di luar negara disebabkan perkahwinan sindiket yang berkemungkinan tidak mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan, ada juga yang berkahwin disebabkan pasangannya tinggal di luar negara dan menganut agama yang sama tetapi berlainan bangsa.

Selain itu, penulis juga telah mengemukakan objektif kajian pada awal kertas projek ini, iaitu tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui konsep nikah dalam Islam yang telah digariskan oleh fuqaha, untuk mengkaji kesan-kesan yang timbul daripada perkahwinan di luar negara dan untuk mengenalpasti proses yang perlu dilakukan setelah kembali ke Malaysia.

Seterusnya, rumusan bagi bab dua, terdapat pelbagai pendapat mengenai definisi nikah yang telah digariskan dalam Islam. Terdapat juga syarat-syarat dan rukun-rukun yang ditetapkan untuk dipenuhi bagi sesiapa saja yang ingin berkahwin supaya perkahwinan itu adalah perkahwinan yang sah.

Nikah terbahagi kepada dua iaitu nikah yang batil dan nikah yang sah. Nikah yang batil adalah nikah yang tidak cukup rukun atau syarat sah nikah. Hukum bagi

nikah ini adalah haram kerana tidak ada apa-apa pun kesan yang terjadi daripada perkahwinan itu. Namun, sesetengah bentuk nikah yang batil, perempuan wajib dibayar mahar *misil*. Contohnya adalah, perkahwinan tanpa wali dan perempuan itu telah disetubuhi.

Seterusnya adalah nikah yang sah, yang bermaksud nikah yang cukup rukun dan syarat sah perkahwinan yang akan melahirkan kesan-kesan dan tanggungjawab daripada perkahwinan tersebut. Selain itu, dalam bab dua telah dinyatakan rukun-rukun nikah iaitu sighah, isteri, suami, wali dan dua orang saksi. Terdapat juga syarat-syarat nikah yang telah diterangkan dalam bab dua ini. Hikmah dan galakan berkahwin turut dijelaskan seperti memenuhi fitrah manusia, menjaga diri daripada melakukan zina, mengeratkan silaturahim antara dua keluarga dan sebagai.

Di samping itu, hukum kahwin juga telah ditekankan dalam bab dua ini. Hukum asal berkahwin adalah harus tetapi berubah mengikut keadaan. Antara hukum kahwin ialah wajib berdasarkan kemampuan mereka dari segi zahir dan batin serta dapat meningkatkan taqwa. Hukum lain seperti haram disebabkan mereka tidak mampu dari segi zahir dan batin. Hukum kahwin seterusnya adalah sunat dengan keadaan mampu dari segi zahir dan batin tetapi mampu menahan diri dari melakukan zina. Akhir sekali, hukum makruh berlaku apabila mereka tidak mampu zahir dan batin tetapi tidak membahayakan isteri.

Dalam bab tiga pula telah diterangkan prosedur-prosedur perkahwinan yang perlu dilakukan apabila ingin berkahwin di luar negara. Sesiapa yang ingin melangsungkan perkahwinan di luar negara perlulah mendapatkan kebenaran untuk berkahwin di luar negara daripada Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia terlebih dahulu mengikut negeri pemohon sendiri. Seterusnya pemohon perlulah mempunyai surat kebenaran wali (*wakalah*) untuk melangsungkan perkahwinan di luar negara.

Dalam bab tiga ini juga ada diterangkan tentang perkahwinan yang ingin dilakukan di Pejabat Education Malaysia United Kingdom. Mereka yang berkahwin di luar negara, iaitu di luar Malaysia memiliki alasan yang berbeza, ada yang berkahwin disebabkan menetap di sana atau bekerja, ada yang berkahwin di luar negara disebabkan perkahwinan sindiket yang berkemungkinan tidak mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan, ada juga yang berkahwin disebabkan

pasangannya tinggal di luar negara dan menganuti agama yang sama tetapi berlainan bangsa.

Seterusnya, prosedur yang perlu dilakukan setelah kembali ke Malaysia turut ditekankan dalam bab tiga ini. Akad nikah yang telah selesai dilaksanakan oleh Pendaftaran Perkahwinan, Penceraihan dan Ruju' orang Islam luar negara perlulah menunggu laporan pernikahan. Namun, akad nikah yang dilaksanakan di badan-badan agama, majlis agama Islam, Pusat Islam, masjid komuniti yang diiktiraf perlulah membawa dokumen pernikahan ke Surahanjaya Tinggi Malaysia di luar negara untuk pengeluaran dokumen pernikahan.

Setelah laporan pernikahan dikeluarkan oleh Pendaftar Pernikahan, Penceraihan dan Ruju' di Luar Negara, laporan tersebut perlulah dibawa ke Malaysia bagi urusan pendaftaran pernikahan dengan Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia bagi mendapatkan sijil nikah Malaysia. Pasangan tersebut juga perlu mendaftarkan pernikahan tersebut di Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia dalam tempoh enam bulan setelah kembali ke Malaysia.

Akhir sekali, implikasi yang akan timbul apabila melangsungkan perkahwinan di luar negara adalah akan berlakunya perkahwinan yang tidak sah, perkahwinan yang menggunakan wali hakim yang tidak diiktiraf dan perkahwinan yang tidak didaftarkan setelah enam bulan kembali ke Malaysia. Kesan lain, apabila perkahwinan itu tidak sah, pasangan suami isteri tersebut tidak berhak untuk mewarisi harta pusaka masing-masing. Begitu juga kesannya terhadap anak-anak yang dikurniakan hasil daripada perkahwinan yang tidak sah itu, di mana mereka tidak berhak mewarisi harta pusaka milik bapanya.

Rumusan bagi bab empat, semua objektif yang telah dinyatakan pada awal kajian penulis telah terjawab dengan sempurnanya. Segala yang terkandung dalam kajian ini adalah menepati apa yang penulis kehendaki. Cadangan untuk negara, sekolah, ibu bapa dan masyarakat turut dinyatakan dalam bab empat ini supaya dapat mengurangkan kes-kes yang berkaitan dengan perkahwinan di luar negara yang tidak mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan.

## **4.2 CADANGAN**

Cadangan yang penulis ingin kemukakan kepada negara ialah menyatakan kepada kedutaan-kedutaan yang telah diiktiraf diluar negara, supaya memastikan kelengkapan borang-borang yang dikehendaki untuk proses perkahwinan adalah betul dan tepat. Kerajaan perlulah mengenakan denda yang lebih berat kepada rakyat Malaysia yang berkahwin di luar negara tanpa mematuhi prosedur-prosedur yang telah ditetapkan. Ini demi menjaga nama negara supaya tidak berlaku lagi kes-kes yang berkaitan dengan perkahwinan yang tidak mengikut prosedur.

Bagi institusi persekolahan, pihak sekolah perlulah menerapkan didikan agama dalam diri pelajar supaya mereka tahu mana yang benar dan mana yang salah. Pihak sekolah juga haruslah menekankan prosedur-prosedur yang harus dilakukan apabila ingin melangsungkan perkahwinan di dalam atau di luar negara. Dalam hubungan kekeluargaan, ibu bapa haruslah memainkan peranan dalam mendidik anak-anak seperti menunjukkan teladan yang baik.

Ibu bapa juga hendaklah menjaga batas pergaulan anak-anak supaya tidak terlalu leka dalam sesuatu hubungan. Masyarakat hendaklah menunjukkan sikap positif kepada generasi muda seperti tidak memandang serong kepada insan-insan yang telah melakukan kesalahan dalam hidupnya tetapi masyarakat haruslah membimbing mereka ke jalan yang benar. Berpunca daripada hinaan yang dilempar oleh masyarakat telah membuatkan insan-insan ini berasa malu dan menyebabkan mereka mengambil jalan mudah dengan berkahwin di luar negara tanpa kebenaran daripada ibu bapa untuk menutup aib diri sendiri.

## **4.3 KESIMPULAN**

Dalam keseluruhan bab ini telah diterangkan beberapa aspek, faktor, punca, kepentingan, hukum serta undang-undang berdasarkan prosedur negara dan syariat Islam yang telah ditetapkan. Dengan pengetahuan ini kepada rakyat Malaysia, ia bukan sahaja dapat menambah pengetahuan prosedur perkahwinan kepada rakyat Malaysia, malah dapat mengurangkan masalah negara dalam hubungan perkahwinan yang tidak mengikut prosedur.

Kerjasama dari kerajaan dan rakyat Malaysia bukan sahaja dapat menjaga maruah negara malah dapat memajukan pembangunan negara. Dari segi ikatan kekeluargaan, ia dapat mengeratkan hubungan keluarga antara dua pihak jika anak-anak mengikut prosedur negara. Rakyat Malaysia yang berkahwin di luar negara merasakan perkahwinan tersebut mudah dan senang dilangsungkan. Berdasarkan perlakuan tersebut, ini telah memberikan kesan kepada negara dan juga kepada ibu bapa.

Jikalau sebuah perkahwinan telah dilangsungkan di luar negara, pasangan tersebut hendaklah kembali ke Malaysia dan mendaftar perkahwinan tersebut di Jabatan Agama Islam untuk mengesahkan perkahwinan tersebut. Dengan ini, telah jelas bahawa perkahwinan yang dilangsungkan di luar negara hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Sekiranya, prosedur-prosedur tersebut tidak dilaksanakan dengan selengkapnya, ini akan menimbulkan kesan-kesan di masa akan datang kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Akibat yang sering terjadi adalah perkahwinan yang tidak sah dari segi hukum dan undang-undang. Oleh itu, prosedur yang ditetapkan di Malaysia adalah mengikut hukum syarak.

## **RUJUKAN**

Anuar Puteh dan Sazliza Mat Isa. 2008. *Jurnal Yadim*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Berita Harian. 26/3/2018

Garis Panduan Permohonan & Pendaftaran Perkahwinan, Penceraian dan Ruju' di Luar Negara.

Ismail Ali. 1997. *Soal jawab kursus perkahwinan*. Kuala Lumpur: Crescent News (K.L) Sdn. Bhd.

Intan Nadia Ghulam Khan, Hasnizam Hashim, Haliza A.Shukor dan Nabilah Yusof. 2013. *Nikah sindiket di Malaysia*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.

Mohd Zahiruddin Fahmi bin Ahmad Zakhi. 2015. *Perkahwinan tidak mengikut prosedur: Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*.

Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji. 2016. *Kitab fikih mazhab Syafie*. Selangor: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Ruzain Syukur. 2017. *Prosedur pernikahan orang Islam warganegara Malaysia di luar negara*.

Sidi Gazalba. 1981. *Di ambang pintu perkahwinan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

Said Ibrahim. 2001. *400 Soal jawab nikah kahwin*. Selangor: Darul Ma'rifah.

Zuliza Mohd Kusrin dan Hamidah bt Harun. 2014. *Konsep perkahwinan tanpa kebenaran di Malaysia*. Shariah Law Report, (2014) 3 ShLR.

1964. *Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan)1984*. 24/3/2018, [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal\\_Origina1.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/d441586f0bd6767348256cef00297264?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Origina1.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/d441586f0bd6767348256cef00297264?OpenDocument)